

Latihan Kata Majmuk3.10.21

Pilih jawapan yang betul.

1.	Mayat mangsa kebakaran itu dibawa ke hospital untuk _____.
A	uji kaji
B	tunjuk ajar
C	kaji selidik
D	bedah siasat

2.	Sementara menunggu keputusan peperiksaan diumumkan, abang membuat _____ di restoran itu.
A	kerja sambilan
B	kerja rumah
C	kerja kosong
D	kerja keras

3.	"Pihak jabatan akan mengadakan sesi _____ bagi meraikan kedatangan para pekerja baharu," kata ketua jabatan itu kepada pembantunya.
A	ramah mesra
B	temu duga
C	soal siasat
D	temu bual

4.	Bumbung bangunan itu berbentuk _____.
A	segi tiga
B	bulat
C	bujur
D	leper

5.	Kita mesti berhenti apabila _____ berwarna merah.
A	lampu meja
B	lampu isyarat
C	lampu minyak
D	tiang lampu

6.	Murid-murid dikehendaki memakai _____ ketika bersenam di padang.
A	pakaian adat
B	pakaian sukan
C	pakaian seragam
D	pakaian rasmi

7.	_____ Alex berdarah dengan banyak kerana terkena pisau.
A	ibu angkat
B	ibu pejabat
C	ibu negara
D	ibu jari

8.	_____ Guru Besar diperlukan untuk mengesahkan dokumen yang penting itu.
A	Beritahu
B	Tanggungjawab
C	Tandatangan
D	Sukarela